

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ ARAU ]**

**SOALAN NO. 500**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah strategi dan perancangan yang akan dilakukan oleh Kementerian dalam meningkatkan sumbangan sektor keusahawanan terutama berteraskan koperasi dan inovasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada masa hadapan dan apakah usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan PH untuk membantu Bumiputera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah melancarkan Dasar Keusahawanan Negara (DKN) baru-baru ini pada 11 Julai 2019 yang menyasarkan antara lain sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebanyak 41% menjelang tahun 2020. Pelaksanaan dasar ini akan dapat membantu mencapai sasaran pertumbuhan tahunan KDNK PKS antara 6.0 hingga 8.0% setiap tahun dan sasaran pertumbuhan tahunan eksport PKS antara 5.5 – 7.5% setiap tahun.

2. Di bawah DKN, MED berhasrat untuk membangunkan koperasi bersasar (inklusif golongan terpinggir) seperti belia, wanita dan B40 serta mengiktiraf gerakan koperasi sebagai salah satu pemangkin agenda pembangunan negara setaraf dengan PKS. Bagi tujuan tersebut, MED sedang berusaha untuk meningkatkan penglibatan masyarakat seperti keusahawanan sosial melalui koperasi dan membuat tanda aras

**NO. SOALAN: 500**

(*benchmark*) melalui gerakan koperasi antarabangsa bagi memantapkan koperasi di negara ini.

3. Selain itu, MED juga telah mengenal pasti langkah-langkah baharu untuk melonjakkan pertumbuhan PKS ke arah menyumbang kepada peningkatan KDNK dengan melibatkan inovasi dalam keusahawanan iaitu:

i. Memperhebatkan pendigitalan oleh PKS dengan memperluaskan liputan dan meningkatkan kelajuan hubungan jalur lebar serta meningkatkan keselamatan siber untuk PKS;

ii. Meningkatkan integrasi PKS ke dalam rantaian bekalan negara (*supply chain management*);

iii. Melonjakkan tahap kesediaan dan daya saing PKS untuk menerapkan teknologi dan model perniagaan *innovative-disruptive-compelling*; dan

iv. Mengembalikan rantaian bekalan PKS di luar negara ke Malaysia seperti hasil orkid negara dieksport ke pasaran dunia.

4. Di samping itu, pelbagai usaha turut dilaksanakan oleh Kerajaan dalam membantu meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang keusahawanan seperti berikut:

i. Menyediakan pelbagai program dan insentif pembiayaan serta latihan keusahawanan bagi menarik minat Bumiputera untuk terlibat secara serius dalam bidang keusahawanan;

ii. Menyediakan progoam bantuan dan intervensi bersasar untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran keusahawanan Bumiputera;

iii. Memperkukuhkan pelaksanaan Program Pembangunan Vendor (PPV) dengan mewujudkan vendor berbilang tingkat (*multiple tier*) dalam kalangan usahawan Bumiputera; dan

iv. Memudahcara dan menggalakkan usahawan Bumiputera untuk menceburi sektor baharu dan berpotensi tinggi.

Sekian, terima kasih.